

TARIKH	22 / 1 / 2013	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	B2	RUANGAN	BISNES

© RABU 22 JANUARI 2014



Naza TTDI lancar harta tanah RM1.7b

» Pembangunan projek di Lembah Klang perkukuh pendapatan

Oleh Shahrizan Salian
shahrizan_salian@bh.com.my

Naza TTDI Sdn Bhd, sah yap pembangunan harta tanah utama Naza Corporation Holdings Sdn Bhd, bersedia melancarkan projek harta tanah dengan nilai pembangunan kasar (GDV) RM1.7 bilion sepanjang tahun ini.

Timbalan Penggerusi Eksekutif dan Pengarah Urusan Kumpulan Naza TTDI, SM Faliq SM Nasimuddin (gambar),

berkata pelancaran harta tanah di beberapa lokasi perdana di seluruh Lembah Klang itu dijangka mengukuhkan lagi pendapatan syarikat.

“Di sebalik potensi tahun mencabar bagi 2014 dengan kos buruh dan bahan lebih tinggi serta pelbagai langkah membendung kenaikan harga harta tanah oleh kerajaan bakal memberikan impak kepada pasaran, saya percaya masih ada permintaan untuk harta tanah premium serta mampu milik, asalkan produk itu dapat memenuhi jangkaan pasaran,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Harta tanah bakal dilancarkan Naza TTDI akan bermula Mac depan dengan penjualan komponen kediaman TTDI Sentralis dan TTDI Alam Impian di Shah Alam serta TTDI

Dualis di Equine Park, merangkumi apartmen servis, rumah berangkai dan pembangunan komersial bercampur.

Ini diikuti fasa kediaman lain di TTDI Grove Kajang serta TTDI Alam Impian yang akan dijual sepanjang tahun.

Sementara itu, pembangunan perdana Platinum Park bernilai RM4 bilion di Kuala Lumpur yang menjadi sebahagian daripada Menara FELDA, dijangka disiapkan pada suku pertama tahun ini.

Bahagian menara pejabat lain Lembaga Tabung Haji dan Naza Corporation Holdings pula dijadualkan siap pada suku kedua 2015.

Naza TTDI juga akan melancarkan fasa pertama komponen kediaman Platinum Park, Julai depan, membabitkan pembinaan daripada me-

nara apartmen servis merangkumi 500 unit kediaman dengan GDV RM452 juta.

Syarikat itu juga akan melancarkan pembangunan komersial bercampur TTDI Sentralis 2 di Shah Alam pada Mei depan, bermula dengan pejabat kedai lima tingkat premium, diikuti apartmen kediaman.

SM Faliq menambah, dengan memiliki simpanan tanah strategik lain seperti KL Metropolis serta rancangan menambah simpanan tanah sama ada melalui pembelian atau kerjasama, Naza TTDI menjangkakan lebih banyak pelancaran baharu untuk beberapa tahun akan datang.

